

PENGAWALAN KOS PROJEK PEMBINAAN OLEH KONTRAKTOR

MOHAMAD SOFIUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Pembinaan)

Fakulti Kejuruteraan Awam
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI, 2012

DEDIKASI

*Buat Bonda Yang Tersayang, Solha Binti L. Isa
Ayahanda Yang Dikasihi, Abdul Rahman Bin Hj Mat Saed
Serta Keluarga Yang Disayangi*

*Terima Kasih Di Atas Segala Pengorbanan, Dorongan, Restu
Dan Kasih Sayang Yang Diberikan. Jasa Kalian
Tidak Terbalas Buat Diriku
Hanya Allah s.w.t Sahaja Yang Dapat Membalasnya*

*Buat Penyelia Yang Dihormati
Mr Bachan Singh a/l Besawa Jagar Singh dan
Profesor Madya Sr Dr. Zakaria Bin Mohd Yusof
Ilmu Dan Tunjuk Ajarmu Amatku Hargai*

*Buat Pensyarah - Pensyarah Pengurusan Pembinaan,
Jutaan terima kasih diucapkan.....*

*Serta Tidak Lupa Pada Semua Pelajar-Pelajar Pengurusan
Pembinaan dan Kejuruteraan Awam
Didoakan Semoga Semua Dilimpahkan Rezeki & Rahmat Dari
ALLAH S.W.T...Amin..*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin serta limpah kurniaNya, dapatlah saya menyiapkan laporan projek ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih khas buat Encik Bachan Singh a/l Besawa Jagar Singh dan Profesor Madya Sr Dr. Zakaria Bin Mohd Yusof selaku penyelia projek master di atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam khususnya pensyarah-pensyarah Pengurusan Pembinaan yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan panduan sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini.

Akhir kata, salam kasih dan sayang buat keluarga dan rakan-rakan yang telah banyak memberikan sokongan dan bantuan melalui pengalaman dan pembelajaran serta memberikan idea-idea bernas dan sokongan semasa pelaksanaan kajian ini. Jasa anda semua hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. InsyaAllah. Sekian.

ABSTRAK

Pengawalan kos dalam projek pembinaan adalah sesuatu yang sangat penting selain daripada pengetahuan teknikal dalam industri pembinaan. Kelemahan dalam pengawalan kos boleh mengurangkan margin keuntungan dan menyebabkan kerugian kepada pihak kontraktor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kaedah pengawalan kos yang digunakan oleh kontraktor dalam sesuatu projek pembinaan, untuk mengenalpasti faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh kontraktor dalam menentukan margin keuntungan sesuatu projek dan untuk mengenalpasti strategi yang digunakan mengurangkan risiko kewangan projek pembinaan. Kajian ini dijalankan menerusi kajian literatur dan pengedaran borang soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan indeks purata. Daripada kajian yang dilakukan, didapati kaedah pengawalan kos yang digunakan oleh kontraktor untuk mengawal kos projek pembinaan adalah kaedah untung atau rugi berasaskan kepada bayaran pada setiap bulan, kaedah untung atau rugi berasaskan kepada bayaran pada setiap elemen, kaedah untung atau rugi berasaskan kepada bayaran pada setiap aktiviti kerja, kaedah untung atau rugi berasaskan kepada bayaran pada setiap peringkat dan kaedah untung atau rugi keseluruhan. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh kontraktor dalam menentukan margin keuntungan sesuatu projek pula adalah keadaan pasaran semasa, kerumitan projek, tahap risiko, jenis projek, inflasi, beban kerja semasa, tempoh penyediaan dan tahap persaingan. Strategi yang digunakan kontraktor bagi mengurangkan risiko kewangan projek pembinaan pula adalah memantau dengan teliti perjalanan projek, membangunkan perancangan kerja secara menyeluruh, menyediakan aliran tunai dari bulan ke bulan, mengurus dengan cermat overhead projek, membeli kemudahan kredit, memilih saiz projek berdasarkan kepada kedudukan kewangan syarikat dan menguji kawasan geografi yang baru.

ABSTRACT

Cost control in construction project is very important besides the technical knowledge in construction. Poor cost control may lead to reduced profit margin or total loss to the contractor. Making profit is the contractors' main aim when undertaking the project. However good financial and cost control will lead to maximum profit for the contractors' organization. The objectives of this study are to identify the cost control methods used by the contractor in the construction project, to identify the factors considered by the contractor to determine the profit margin and to identify the strategy used by the contractor to reduce the financial risk in the construction project. The study is carried out through literature review and questionnaires. The data is analyzed using average index. From the study, the cost control method used by the contractors for monitoring and controlling the cost construction project are using loss or profit based on payment every month method, loss or profit based on payment every completion the element method, loss or profit based on payment after finish every work method, loss or profit based on payment every stage method and loss or profit based on payment after completion of project method. The factors considered by the contractor to determine the profit margin are; the complexity of the project, the risks involved, types of project, inflation, current workload, completion date and competition. The strategy used by the contractor to reduce the financial risk in the construction project are; understanding geographical area, project size depends on financial standing, credit purchasing, prudent management, preparing monthly cash flow, overall planning and continuous project monitoring.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI JADUAL	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
 BAB 1	 LATAR BELAKANG KAJIAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah/ Isu	3
	1.3 Persoalan Kajian	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Skop Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Metodologi Penyelidikan	6
	1.8 Kesimpulan	10

BAB 2 PENGAWALAN KOS PROJEK PEMBINAAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Definisi Pengawalan	12
2.3	Definisi Kos	13
2.4	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kos Pembinaan	13
2.4.1	Kos Bahan Binaan	15
2.4.2	Kos Buruh	15
	2.4.2.1 Kategori Buruh	16
	2.4.2.1.1 Buruh Tidak Mahir	16
	2.4.2.1.2 Buruh Separa Mahir	16
	2.4.2.1.3 Buruh Mahir	17
	2.4.2.1.4 Juruteknik	17
	2.4.2.1.5 Pengurus	17
2.4.3	Kos Loji (Jentera)	18
2.4.4	Kos Overhed	19
2.5	Kaedah Pengawalan Kos Projek Pembinaan	21
2.5.1	Untung Atau Rugi Keseluruhan	22
2.5.2	Untung Atau Rugi Berasaskan Kepada Bayaran Pada Setiap Peringkat	22
2.5.3	Untung atau rugi berasaskan kepada bayaran pada setiap aktiviti kerja	23
2.5.4	Untung atau rugi berasaskan kepada bayaran pada setiap elemen	23
2.5.5	Untung atau rugi berasaskan kepada bayaran pada setiap bulan	24
2.6	Tenik-Teknik Pengurusan Kos Projek Pembinaan	24
2.6.1	Carta Gantt	25
	2.6.1.1 Penyediaan Carta Gantt	25
	2.6.1.2 Penggunaan Carta Gantt	26
	2.6.1.3 Kebaikan Carta Gantt	28
	2.6.1.4 Kelemahan Carta Gantt	28
2.6.2	'Milestone Chart'	29

2.6.3	Kaedah Laluan Genting	30
	2.6.3.1 Kebaikan Kaedah Laluan Genting	33
	2.6.3.2 Kelemahan Kaedah Laluan Genting	33
2.6.4	Penggunaan Perisian Komputer	34
2.7	Kesimpulan	34

BAB 3 PENGURUSAN KEWANGAN PROJEK PEMBINAAN

3.1	Pengenalan	36
3.2	Definisi Pengurusan Kewangan	37
3.3	Sumber Kewangan Kontraktor	38
3.4	Faktor-faktor Yang Dipertimbangkan Dalam Menentukan Margin Keuntungan Projek Pembinaan	39
	3.4.1 Beban Kerja Semasa	40
	3.4.2 Keadaan Pasaran	40
	3.4.3 Tahap Persaingan Dalam Mendapatkan Tender	41
	3.4.4 Risiko	41
	3.4.5 Kerumitan Projek	42
	3.4.6 Inflasi	42
	3.4.7 Jenis Projek Yang Ingin Dimasuki	43
	3.4.8 Tempoh Penyiapan Sesuatu Projek	43
3.5	Kaedah Mendapatkan Maklumat Kos Pembinaan	43
3.6	Kaedah-Kaedah Menguruskan Sumber Kewangan Projek Pembinaan	45
	3.6.1 Menyenaraikan Perbelanjaan Projek	45
	3.6.2 Menyediakan Belanjawan Projek	46
	3.6.3 Menyediakan Unjuran (<i>pro-forma</i>) penyata untung rugi dan kunci kira-kira	47
	3.6.4 Menyediakan Penyata Sumber dan Kegunaan Dana (<i>Statement of Sources and Uses of Fund</i>)	47

3.6.5	Merekodkan Urus Niaga Secara Tunai Dan Kredit	48
3.6.6	Mengaudit Kewangan Projek	49
3.7	Risiko Kewangan Yang Selalu Dihadapi Kontraktor	50
3.7.1	Wang Pembiayaan Tidak Mencukupi	50
3.7.2	Risiko Pusingan Modal Tidak Mencukupi	51
3.7.3	Pemberian Kredit Yang Rendah Oleh Pembekal	51
3.7.4	Bank Mengetatkan Syarat-Syarat Pinjaman	52
3.7.5	Kenaikan Harga Bahan Binaan	52
3.7.6	Kesilapan Menghargakan kontrak	53
3.7.7	Bayaran Kemajuan Lambat Diterima	53
3.7.8	Kerugian Yang Berpunca Dari Kecuaian Subkontraktor	54
3.7.9	Peningkatan Kos Pembinaan	54
3.8	Strategi Mengurangkan Risiko Kewangan Projek Pembinaan	55
3.8.1	Membangunkan Perancangan Kerja Secara Menyeluruh	55
3.8.2	Menguji Kawasan Geografi Yang Baru Dengan Hanya Membina Projek Yang Kecil Atau Berdasarkan Kepada Pelanggan Yang Sama	56
3.8.3	Mengawasi Secara Berhati-Hati Perjalanan Projek	56
3.8.4	Pilih Saiz Projek Berdasarkan Kepada Saiz Syarikat Pembinaan, Kewangan Dan Sumber Manusianya	57
3.8.5	Menyediakan Aliran Tunai Dari Bulan Ke Bulan	57
3.8.6	Mengurus Dengan Cermat Overhed Projek	58

3.8.7	Membeli Kemudahan Kredit Sebagai Satu Kontingensi Untuk Melindungi Aliran Tunai Negatif Yang Tidak Dijangka	58
3.9	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Aliran Tunai Projek Pembinaan	59
3.9.1	Keuntungan dan Overhed	59
3.9.2	Wang Tahanan	60
3.9.3	Tuntutan Pembayaran	60
3.9.4	Pengukuran Lebih Semasa Proses Penilaian Kemajuan Kerja	60
3.9.5	Tempoh Masa Pembinaan	61
3.10	Kesimpulan	61

BAB 4 METODOLOGI KAJIAN

4.1	Pengenalan	62
4.2	Reka Bentuk Kajian	63
4.3	Kajian Literatur	63
4.4	Kajian Awal	65
4.5	Kajian Soal Selidik	66
4.5.1	Pemilihan Sampel Kajian	66
4.5.2	Borang Soal Selidik	67
4.5.3	Teknik Analisis Data	69
	4.5.3.1 Analisis Menggunakan Skala Likert	70
	4.5.3.2 Analisis Menggunakan Frekuensi	73
4.6	Kesimpulan	74

BAB 5 ANALISIS KAJIAN

5.1	Pengenalan	75
5.2	Maklumbalas Borang Soal Selidik Yang Telah Diedarkan Kepada Firma Kontraktor Yang Terlibat	76

5.2.1	Jawatab Responden	77
5.3	Analisis Borang Soal Selidik	78
5.3.1	Analisis Menggunakan Skala Likert	78
5.3.1.1	Keadah Pengawalan Kos Dan Kewangan Yang Digunakan Kontraktor Dalam Projek Pembinaan	79
5.3.1.2	Faktor-Faktor Yang Dipertimbangkan Kontraktor Dalam Menentukan Margin Keuntungan Sesuat Projek	86
5.3.1.3	Strategi Yang Digunakan Bagi Mengurangkan Risiko Kewangan Projek Pembinaan	93
5.4	Kesimpulan	100
 BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN		
6.1	Pengenalan	101
6.2	Penemuan Kajian	101
6.2.1	Keadah Pengawalan Kos Dan Kewangan Yang Digunakan Kontraktor Dalam Projek Pembinaan	102
6.2.2	Faktor-Faktor Yang Dipertimbangkan Kontraktor Dalam Menentukan Margin Keuntungan Sesuat Projek	102
6.2.3	Strategi Yang Digunakan Bagi Mengurangkan Risiko Kewangan Projek Pembinaan	104
6.3	Masalah Yang Dihadapi Semasa Melakukan Penyelidikan	104
6.4	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	105

6.5	Kesimpulan	105
	RUJUKAN	107
	LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Aliran Metodologi Penyelidikan	9
2.1	Model Sistem Pengawalan Kos Yang Baik	11
2.2	Kategori Kos Dalam Projek Pembinaan	14
2.3	Kaedah Perolehan Loji	19
2.4	Perhubungan Antara Kos langsung Dan Tidak Langsung Yang Terkumpul Dalam Projek Pembinaan	20
2.5	Kelok Bagi Kos Langsung Dan Tidak Langsung Yang Terlibat Dalam Projek Pembinaan	21
2.6	Contoh Penggunaan Carta Gantt Dalam Perancangan Kos Bagi Projek Binaan	27
2.7	Perbezaa Antara Carta Gantt dan <i>Milestone Chart</i>	29
2.8	Contoh Penggunaan Kaedah Laluan Genting Dalam Pengawalan Kos Projek Pembinaan	32
5.1	Peratusan Bagi Borang Soal Selidik Yang Diterima Dan Tidak Diterima	76
5.2	Keadah Pengawalan Kos Dan Kewangan Yang Digunakan Kontraktor Dalam Projek Pembinaan	83
5.3	Faktor-Faktor Yang Dipertimbangkan Kontraktor Dalam Menentukan Margin Keuntungan Sesuatu Projek	90

5.4	Strategi Yang Digunakan Bagi Strategi Mengurangkan Risiko Kewangan Projek Pembinaan	97
-----	---	----

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
4.1	Jumlah Sampel Dalam Kajian Sains Sosial	67
4.2	Skala Bagi Penyataan Yang Dikemukakan	70
4.3	Julat Indeks Bagi Setiap Kategori	71
5.1	Jumlah Borang Soal Selidik Yang Dihantar Dan Diterima	76
5.2	Pecahan Jawatan Responden	77
5.3	Kategori Bagi Penyataan Yang Dikemukakan	79
5.4	Maklumbalas Responden Mengenai Keadah Pengawalan Kos Dan Kewangan Yang Digunakan Kontraktor Dalam Projek Pembinaan	80
5.5	Skor Min Bagi Keadah Pengawalan Kos Dan Kewangan Yang Digunakan Kontraktor Dalam Projek Pembinaan	82
5.6	Skala Indeks Bagi Setiap Kategori	82
5.7	Maklumbalas Responden Mengenai Faktor-Faktor Yang Dipertimbangkan Kontraktor Dalam Menentukan Margin Keuntungan Sesuatu Projek	87
5.8	Skor Min Bagi Faktor-Faktor Yang Dipertimbangkan Kontraktor Dalam Menentukan Margin Keuntungan Sesuatu Projek	89
5.9	Skala Indeks Bagi Setiap Kategori	89

5.10	Maklumbalas Responden Mengenai Strategi Yang Digunakan Bagi Mengurangkan Risiko Kewangan Projek Pembinaan	94
5.11	Skor Min Bagi Strategi Yang Digunakan Bagi Mengurangkan Risiko Kewangan Projek Pembinaan	96
5.12	Skala Indeks Bagi Setiap Kategori	96

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang Soal Selidik	113
B	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Soal Selidik	120

BAB 1
LATAR BELAKANG
KAJIAN

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pengenalan

Industri pembinaan adalah merupakan salah satu bidang yang sangat mencabar. Berbanding dengan industri lain, industri pembinaan terdedah dengan pelbagai risiko yang sangat tinggi (Md Shamir,1992). Biarpun industri pembinaan mempunyai risiko yang sangat tinggi, tetapi ia begitu mendapat sambutan di sebabkan kerana ia menjanjikan pendapatan yang sangat lumayan.

Industri pembinaan juga sentiasa menjadi topik penting di dalam setiap Rancangan Malaysia. Pada suku pertama 2005, industri pembinaan telah mengalami kemerosotan pertumbuhan iaitu sebanyak negatif 5.1 peratus yang mana telah mengakibatkan berlakunya pengurangan projek pembinaan (BERNAMA,2005). Kemerosotan pertumbuhan dalam industri pembinaan ini telah menyebabkan peluang kontraktor untuk mendapatkan sesuatu projek bertambah sukar. Ini sekaligus akan meningkatkan bilangan kontraktor yang menggulung tikar (CIDB News, 2005).

Dalam sektor pembinaan, matlamat utama dalam proses pembinaan adalah untuk memastikan projek dapat disiapkan di dalam tempoh yang ditetapkan, mengikuti piawaian kualiti yang di gariskan serta menepati kos yang di tetapkan. Industri pembinaan boleh di kategorikan sebagai sesuatu yang unik kerana ia mempunyai rekabentuk dan aktiviti yang berlainan bagi setiap projek. Secara terperinci, setiap rekabentuk dan aktiviti di lakukan berdasarkan keadaan sekeliling tapak projek pembinaan tersebut, disusun berdasarkan fungsinya dan direka berdasarkan keperluan peribadi (Clough, 1975).

Bagi sesebuah kontraktor, untuk membolehkan ia memenangi sesuatu projek pembinaan, ia perlu memastikan sumber kewangannya kukuh. Menurut Upson (1987), kewangan adalah sesuatu yang sangat penting bagi sesebuah organisasi kontraktor. Hal ini kerana kontraktor memerlukan modal bagi menjalankan sesuatu projek pembinaan termasuklah dalam menggerakkan sistem pengurusan kontraktor itu sendiri.

Pengurusan kos boleh ditafsirkan sebagai penggunaan sumber kewangan secara sistematik tanpa berlaku pembaziran sumber. Ia juga melibatkan segala keputusan yang boleh mempengaruhi kewangan sesuatu projek itu sendiri. Sebagai contoh, segala keputusan kewangan yang akan dibuat pada hari ini akan mempengaruhi sumber kewangan pada hari esok. Pengurusan kos yang berkesan akan membolehkan sesuatu projek itu memperoleh keuntungan yang berlipat kali ganda dan menjamin kestabilan syarikat itu sendiri (Peterson, 2005).

Selain itu, kebolehan sesebuah organisasi kontraktor itu dalam menangani risiko kewangan akan membolehkannya dapat bertahan dengan lebih lama di dalam industri pembinaan. Risiko kewangan merupakan salah satu bahagian risiko yang paling kompleks kerana ia sentiasa berkembang mengikut pasaran kewangan yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Oleh itu, kontraktor perlu bijak dalam menangani risiko kewangan ini bagi menjamin kestabilan syarikatnya itu (Holmes, 2004)

1.2 **Penyataan Masalah**

Kontraktor pembinaan sentiasa terdedah kepada pelbagai masalah sepanjang pelaksanaan kerja-kerja pembinaan. Kerugian dan kemungkinan untuk gagal dalam menguruskan sumber kewangan adalah merupakan salah satu masalah yang perlu dihadapi oleh mereka. Bagi mengatasi masalah ini, mereka memerlukan satu sistem pengurusan kos dan kewangan yang berkesan sepanjang proses pembinaan dilakukan (Upson, 1987 ; Peterson, 2005).

Keberkesanan dalam pengurusan kos dan kewangan kontraktor dalam sesuatu projek dapat meningkatkan margin keuntungan bagi sesebuah kontraktor itu. Kebanyakan kegagalan kontraktor dalam melaksanakan sesuatu projek itu adalah disebabkan oleh kelemahan pengurusan kos dan kewangannya. Pengurusan aliran tunai amat penting bagi menjamin kesinambungan sesebuah organisasi kontraktor tersebut untuk terus bersaing di dalam industri pembinaan (Garden and Creese, 2000 ; Barrow, 2006).

Mengikut laporan BERNAMA (24 Oktober 2005), kebanyakan kontraktor-kontraktor kecil yang melaksanakan projek kerajaan terpaksa gulung tikar disebabkan menghadapi masalah kewangan yang meruncing. Mengikut laporan BERNAMA (2 Februari 2010) pula, Kementerian Pelajaran telah mengingatkan semua kontraktor bagi 45 projek ‘sakit’ di bawah kementerian itu supaya menyiapkan projek mereka mengikut jadual bagi mengelak di senarai hitamkan. Mereka ini dikatakan mempunyai masalah kewangan dalam melaksanakan projek tersebut.

Mengikut laporan Utusan Malaysia (31 Januari 2010), kerajaan telah mengeluarkan notis amaran kepada kontraktor projek pembinaan Plaza Rakyat agar meneruskan projek tersebut secepat mungkin. Projek ini dilaporkan telah terbengkalai semenjak 12 tahun lepas berikutan beberapa kali bertukar tangan.

Situasi ini berlaku disebabkan kontraktor terdahulu telah mengalami masalah kewangan dalam menyiapkan projek ini.

Pihak kontraktor harus sedar kecekapan pengurusan kewangan dari awal proses pembinaan sehinggalah tamat projek dapat mengurangkan risiko kewangan sesebuah kontraktor. Kontraktor yang tidak berpengalaman dan tidak berhati-hati semasa menguruskan sumber kewangannya tidak akan dapat bertahan dengan lebih lama dalam industri ini.

Di dalam dunia perniagaan terutama di dalam sektor pembinaan, perubahan sering berlaku tanpa mengira keadaan. Ia telah memberikan kesan kepada pihak yang terlibat terutama kepada pihak kontraktor. Perubahan yang dimaksudkan adalah seperti perubahan yang melibatkan kos pembinaan serta teknologi yang digunakan dalam melaksanakan sesuatu projek. Bagi mengatasi masalah ini, pihak kontraktor perlu bijak menguruskan kewangan mereka bagi mengelakkan mereka dari terus mengalami kerugian (Noorjaya Mohd Yasin & Osman Mohamad, 2000).

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada beberapa isu dan permasalahan yang telah dikemukakan, beberapa persoalan kajian telah dibentuk sebagai panduan asas kepada keseluruhan pelaksanaan kajian ini. Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut :

1. Apakah kaedah yang digunakan oleh kontraktor dalam mengawal kos dan kewangan sesuatu projek pembinaan supaya ia tidak mengalami kerugian semasa melaksanakan projek tersebut?

2. Apakah faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh kontraktor dalam menentukan margin keuntungan sesuatu projek.
3. Apakah strategi yang digunakan bagi mengurangkan risiko kewangan projek pembinaan?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan persoalan kajian yang telah dikenal pasti, objektif kajian ialah :-

1. Untuk mengenalpasti kaedah pengawalan kos dan kewangan yang digunakan oleh kontraktor dalam sesuatu projek pembinaan supaya ia tidak mengalami kerugian semasa melaksanakan projek tersebut.
2. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh kontraktor dalam menentukan margin keuntungan sesuatu projek.
3. Untuk mengenalpasti strategi yang digunakan kontraktor bagi mengurangkan risiko kewangan projek pembinaan.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini adalah difokuskan kepada kontraktor kelas A yang menjalankan kerja-kerja pembinaan di sekitar Johor Baharu. Lokasi ini dipilih bagi memudahkan kajian ini dilakukan.

1.6 Kepentingan Kajian

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan terhadap sistem pengurusan kos dan kewangan bagi sesebuah organisasi kontraktor, namun kajian khusus tentang sistem dan kaedah pengurusan kos dan kewangan bagi sesebuah projek pembinaan masih kurang dilakukan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kaedah pengawalan kos dan kewangan yang digunakan oleh kontraktor dalam sesuatu projek pembinaan supaya ia tidak mengalami kerugian semasa melaksanakan projek tersebut.

Selain itu juga, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti apakah faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh kontraktor dalam menentukan margin keuntungan sesuatu projek supaya dia tidak mengalami kerugian apabila melaksanakan projek tersebut. Kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti tahap pemahaman kontraktor berkaitan isu yang dikaji.

Melalui kajian ini, ia dapat memberi maklumat tambahan kepada kontraktor-kontraktor baru yang menceburi bidang ini supaya mereka dapat menguruskan kos dan kewangan projek pembinaan yang telah dimenangi dengan lebih berkesan. Diharapkan juga, melalui kajian ini ia dapat memberi maklumat kepada kontraktor sedia ada bagi memantapkan lagi sistem pengurusan kewangan mereka supaya mereka dapat terus bertahan dan bersaing dalam industri pembinaan ini.

1.7 Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan memberikan garis panduan yang penting supaya sesuatu penyelidikan itu dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik bagi mencapai

objektifnya. Perancangan pada ketika ini amat penting bagi menjamin kelancaran penyelidikan ini. Berikut merupakan peringkat-peringkat yang terlibat dalam penyelidikan ini.

1.7.1 Peringkat Pertama

Peringkat pertama penyelidikan ialah kajian awal. Peringkat ini melibatkan perbincangan dengan pensyarah, kawan-kawan serta rujukan kepada buku-buku, jurnal dan sumber Internet. Hasil aktiviti ini telah menyumbang idea tentang tajuk yang boleh dibuat. Selepas itu, tajuk penyelidikan ditentukan. Pembacaan selanjutnya telah dibuat untuk mendapat gambaran bidang kajian, skop dan objektif penyelidikan. Dalam peringkat ini, data dan sumber data juga telah dikenalpasti untuk menyenangkan proses pengumpulan data.

1.7.2 Peringkat Kedua

Peringkat kedua penyelidikan adalah peringkat pengumpulan data. Terdapat dua jenis data yang telah dikumpulkan iaitu data primer dan data sekunder.

a) Data Primer

Data primer diperoleh dan dikumpulkan daripada soal selidik yang telah dijalankan. Bentuk soal selidik yang telah digunakan adalah soal selidik jenis tertutup.

b) Data Sekunder


Data sekunder pula merupakan data yang diperoleh daripada analisis yang telah dibuat oleh pihak lain. Sumber-sumber data sekunder adalah seperti buku-buku, jurnal, akhbar, kertas seminar, internat dan bahan-bahan rujukan lain.

1.7.3 Peringkat Ketiga

Peringkat ketiga adalah peringkat penganalisan data yang diperoleh. Data yang telah diperoleh disusun, diproses dan dinilai. Seterusnya, data tersebut telah dianalisis dalam bentuk teks, jurnal dan carta bagi mendapat gambaran dan taksiran yang lebih jelas.

1.7.4 Peringkat Keempat

Peringkat keempat adalah peringkat penulisan dan membuat kesimpulan. Setelah data-data dianalisis dan disusun, penulisan pun dimula. Selepas itu, kesimpulan terhadap data-data yang diperoleh dibuat. Semakan pula telah dibuat sebelum penghantaran penulisan (Sila rujuk Rajah 1.1).



Rajah 1.1: Aliran Metodologi Penyelidikan

1.8 Kesimpulan

Di dalam Bab 1 ini telah di huraikan tentang latar belakang kajian yang telah dikaji. Ia merangkumi objektif dan skop kajian yang mana ia merupakan tujuan utama penyelidikan ini dilakukan.